



TEKS UCAPAN

YS PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL

PENGARAH

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

SEMPENA

**PERTANDINGAN KIK
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2025**

Tarikh

26 OGOS 2025

Tempat

**DEWAN BAKAWALI
JBPM NEGERI SELANGOR**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

SALAM SEJAHTERA

SALAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
BERPRESTASI TINGGI, CEPAT DAN MESRA.

SALAM MALAYSIA MADANI

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,
PEGAWAI BOMBA KANAN II NOR HASLINA BINTI MOHD
JALIL**

**TERIMA KASIH JUGA KEPADA PEMBACA DOA
YANG TELAH MENDOAKAN KESEJAHTERAAN KITA
BERSAMA**

YANG BERUSAHA

**PENGUASA KANAN BOMBA II
MOHD ADZWA BIN MOHD SALLEH**
PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN LATIHAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI
SELANGOR

PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN,
PARA JURI

KETUA-KETUA ZON,

KETUA-KETUA BALAI,

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,

PESERTA-PESERTA KIK JBPM NEGERI SELANGOR

SERTA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN YANG DIKASIHI
SEKALIAN.

ALHAMDULLILLAH, MERAFAK RASA PUJI DAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH BERKAT DAN KEIZINAN DARIPADA-NYA, DAPAT KITA BERSUA DAN BERKUMPUL SEKALI LAGI, DALAM KEHARMONIAN PAGI INI, DI DALAM **PERTANDINGAN KIK JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SELANGOR TAHUN 2025.**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

PERTANDINGAN KIK INI BUKAN SEKADAR SATU ACARA TAHUNAN, TETAPI IA MERUPAKAN WADAH PENTING UNTUK MELAHIRKAN BUDAYA KERJA YANG LEBIH KREATIF, INOVATIF, CEKAP DAN PRODUKTIF.

MELALUI IDEA-IDEA BAHARU YANG DIKETENGAHKAN, KITA DAPAT MELIHAT BAGAIMANA SETIAP KUMPULAN MAMPU MENYUMBANG KE ARAH PENAMBAHBAIKAN SISTEM KERJA, PENJIMATAN KOS, PENINGKATAN MUTU PERKHIDMATAN, SERTA PENCIPTAAN NILAI TAMBAH DALAM ORGANISASI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SAYA TELAH MELIHAT GERAK KERJA PERTANDINGAN KIK INI BERMULA DARI AWAL.

BERMULA DENGAN SESI PEMBENTANGAN IDEA OLEH SETIAP PASUKAN DI BALAI YANG KEMUDIANNYA DIPILIH SATU YANG TERBAIK DI SETIAP BALAI.

PADA AWAL BULAN LEPAS, TELAH DIADAKAN SATU LAGI SESI PEMBENTANGAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI BOMBA SELANGOR.

DAN AKHIRNYA, LIMA TERBAIK TELAH KITA PILIH UNTUK KE PERINGKAT AKHIR.

PENGHARGAAN KEPADA PESERTA

SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA SEMUA KUMPULAN YANG MENGAMBIL BAHAGIAN. WALAU SIAPA PUN YANG DINOBATKAN SEBAGAI JUARA, HAKIKATNYA SEMUA PESERTA ADALAH PEMENANG KERANA TELAH BERANI MENCABAR KEBIASAAN, MENCETUSKAN IDEA, DAN MEMBUKTIKAN BAHAWA INOVASI BERMULA DARI KESUNGGUHAN.

HARAPAN DAN PENUTUP

SAYA BERHARAP AGAR SEMANGAT INOVASI DAN KREATIVITI INI TIDAK TERHENTI SETAKAT PERTANDINGAN SAHAJA, TETAPI TERUS DIAMALKAN DI TEMPAT KERJA MASING-MASING. JADIKAN KIK SEBAGAI BUDAYA ORGANISASI YANG BERTERUSAN, BUKAN SEKADAR PROGRAM BERMUSIM.

UCAPAN KEPADA JURI

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

DIKESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN JURI YANG TELAH MENGADILI PERTANDINGAN PADA HARI INI.

KITA SEMUA CUKUP BERTUAH KERANA JURI-JURI YANG HADIR PADA HARI INI BUKANLAH CALANG-CALANG NAMUN MERUPAKAN MEREKA YANG PAKAR DALAM BIDANG MASING-MASING.

AMBILLAH KESEMPATAN INI JUGA UNTUK SALING BERTUKAR IDEA DENGAN BARISAN JURI UNTUK PENAMBAHBAIKKAN PADA MASA HADAPAN.

HYBRID.

SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA AGENSI-AGENSI YANG MENJALINKAN KERJASAMA DENGAN BALAI-BALAI BOMBA SEPANJANG PERTANDINGAN INI BERLANGSUNG.

TANPA KERJASAMA ERAT SETIAP AGENSI, SAYA YAKIN KATEGORI HYBRID INI TIDAK AKAN DAPAT DIJAYAKAN.

KEPADA SETIAP AHLI KUMPULAN, GUNAKAN JUGA PELUANG INI UNTUK MENGHASILKAN SATU PRODUK YANG TERBAIK DAN BERGUNA KEPADA JABATAN.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI

SEBELUM MENUTUP TIRAI UCAPAN, SEKALI LAGI SAYA
INGIN ZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA
YANG HADIR PADA HARI INI KERANA SUDI MELUANGKAN
MASA UNTUK SAMA-SAMA HADIR KE MAJLIS PENUTUPAN
PADA PETANG INI.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
TAALAH WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.